CHEAH SWEE EAN

v.

CHAN CHIN HUAT

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, PULAU PINANG
MOHAMED DZAIDDIN H
[PERKARA KEBANKRAPAN NO. 29(43)-552-88]
5 JANUARI 1990

KEBANKRAPAN: *Petisyen - Petisyen untuk mengisytiharkan penghutang penghakiman (judgment debtor) seorang bankrap - Rayuan kepada Mahkamah Agung terhadap kebankrapan - Rayuan tanpa kebenaran merayu (leave to appeal).*

KEBANKRAPAN: *Perbuatan kebankrapan di bawah s. 3 Akta Kebankrapan 1967 - Perintah penerimaan (receiving order) terhadap si penghutang - Bantahan terhadap petisyen kebangkrapan di bawah Kaedah 117 Kaedah-kaedah Kebankrapan 1969 - Kebenaran merayu mengikut s. 68 Akta Mahkamah Kehakiman 1964.*

Pemiutang penghakiman memohon perintah mahkamah untuk mengisytiharkan penghutang penghakiman sebagai seorang bankrap kerana penghutang penghakiman melakukan perbuatan bankrap kerana enggan menjelaskan hutang penghakiman sebanyak RM6,800 dan perbuatan kebankrapan ini telahpun berlaku dalam masa 6 bulan sebelum petisyen ini dikemukakan di dalam mahkamah. Penghutang penghakiman membuat rayuan kepada Mahkamah Agung terhadap keputusan mahkamah. Apakah hak penghutang untuk membuat rayuan kepada Mahkamah Agung di atas perintah penerimaan apabila si penghutang tidak membuat apa-apa bantahan sewaktu pembicaraan di Mahkamah Tinggi?

Diputuskan:

[1] Kaedah 117 Kaedah-Kaedah Kebankrapan 1969 menyebut bahawa jika seseorang si penghutang ingin membuat bantahan terhadap petisyen kebankrapan beliau mestilah memfailkan satu notis dengan pendaftar menyebut satu persatu kenyataan-kenyataan di dalam petisyen yang mana beliau ingin mempersoalkan, mempertikaikan atau menafikan. Oleh kerana si penghutang tidak mematuhi Kaedah 117 ini, maka beliau tidak boleh dibenarkan membuat rayuan kepada Mahkamah Agung tanpa kebenaran merayu.

[2] Section 92(2) Akta Kebankrapan 1967 membenarkan sesiapa yang tidak berpuashati dengan perintah-perintah di dalam perkara kebankrapan membuat rayuan di atas perkara-perkara yang boleh dirayu seperti mana-mana rayuan yang dibuat terhadap perintah-perintah Mahkamah Tinggi. Tetapi ini tidaklah bermakna bahawa di dalam perkara-perkara ini, selain daripada perkara kebankrapan seseorang perayu boleh membuat rayuan ke atas keputusan Mahkamah Tinggi ke Mahkamah Agung tanpa kebenaran kerana mengikut s. 68 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 kebenaran membuat rayuan mesti diperolehi terlebih dahulu daripada Mahkamah Tinggi ataupun Mahkamah Agung dalam beberapa perkara. Mahkamah sependapat rayuan yang dibawa oleh si bankrap terhadap petisyen kebankrapan ini perlu mendapat kebenaran dahulu sebelum memfailkan surat rayuan ke Mahkamah Agung. Tambahan pula di dalam kes ini si bankrap gagal mengemukakan notis bantahan mengikut Kaedah 117 Kaedah-Kaedah Kebankrapan 1969. Oleh kerana s. 68 tidak merangkumi perkara-perkara kebankrapan, ini tidak bermakna situasi yang terdapat di dalam kes ini tidak boleh ditaklukkan di bawah seksyen yang sama.

[Perintah sewajarya.]

Perundangan yang dirujuk:
Bankrupcy Act 1967, ss. 3, 5(1), 6(2), 92(2)
Bankrupcy Rules 1969, r. 117
Bankrupcy Rules 1952 [UK], r. 127
Courts of Judicature Act 1964, s. 68

Bagi pihak piutang penghakiman - Yahaya Hashim; T/n. Yahaya & Teja
Bagi pihak penghutang penghakiman - Yeap Chye Choon; T/n. Yeap Chye Choon & Co.

PENGHAKIMAN

Mohamed Dzaiddin H:

Di dalam petisyen ini pemiutang penghakiman (judgment creditor) telah memohon perintah mahkamah untuk mengisytiharkan penghutang penghakiman (judgment debtor) sebagai seorang bankrap kerana penghutang penghakiman telah melakukan perbuatan kebankrapan (act of bankruptcy) di bawah s. 3 Akta Kebankrapan 1967 ("Akta tersebut"). Adapun perbuatan kebankrapan yang dimaksudkan adalah keengganan pihak si penghutang menjelaskan hutang penghakiman (judgment debt) sebanyak RM6,800 tanpa faedah dan perbuatan kebankrapan ini telahpun berlaku di dalam masa 6 bulan sebelum petisyen ini dikemukakan di dalam Mahkamah.

Setelah mengkaji dokumen-dokumen yang berkenaan serta afidavit oleh pemiutang, saya berpuashati bahawa si pemiutang telah mematuhi syarat-syarat yang terkandung di dalam s. 5(1) Akta tersebut. Dengan demikian, saya telah membuat perintah mengikut s. 6(2) dan mengeluarkan satu perintah penerimaan (receiving order) terhadap si penghutang. Ekoran dari perintah tersebut, si penghutang telah membuat rayuan kepada Mahkamah Agung terhadap keputusan saya pada 6 November 1989.

Saya berpendapat alasan yang saya catitkan di atas adalah mencukupi untuk tatapan serta dihuraikan oleh hakim-hakim Mahkamah Agung. Bagaimanapun, satu perkara yang saya ingin memperkatakan mengenai kes ini adalah tentang hak membuat rayuan kepada Mahkamah Agung di atas perintah penerimaan apabila si penghutang tidak membuat apa-apa bantahan sewaktu pembicaraan di Mahkamah Tinggi. Sebelum saya huraikan undang-undang yang berkenaan, terlebih dahulu saya sebutkan fakta-fakta kes ini. Pada 7 Ogos 1989, Encik Yeap Chye Choon, peguam bagi pihak penghutang penghakiman memohon penangguhan kes ini kerana penghutang penghakiman akan menjelaskan hutangnya dalam masa 3 bulan. Pada 6 November 1989, setelah kes ini didengar semula dan setelah saya mendengar penghujahan daripada peguam si pemiutang, saya membuat perintah kebankrapan terhadap Penghutang Penghakiman ini. Pada kali ini, peguam si penghutang tidak membangkit apa-apa bantahan terhadap petisyen.

Kaedah 117 Kaedah-Kaedah Kebankrapan 1969 dengan nyatanya menyebut bahawa jika seseorang si penghutang ingin membuat bantahan terhadap petisyen kebankrapan beliau mestilah memfailkan satu notis dengan pendaftar menyebut satu persatu kenyataan-kenyataan di dalam petisyen yang mana beliau ingin mempersoalkan,mempertikaikan atau menafikan. Pada pendapat saya, oleh kerana si penghutang tidak mematuhi Kaedah 117 ini, maka beliau tidak boleh dibenar membuat rayuan kepada Mahkamah Agung tanpa kebenaran merayu (leave to appeal). Mengenai rayuan, s. 92(2) Akta tersebut membenarkan sesiapa yang tidak puashati dengan perintah-perintah di dalam perkara kebankrapan membuat rayuan di atas perkara-perkara yang boleh dirayu seperti mana-mana rayuan yang dibuat terhadap perintah-perintah Mahkamah Tinggi. Bagaimanapun ini tidak bermakna bahawa di dalam perkara-perkara itu,

selain daripada perkara kebankrapan, seorang perayu boleh membuat rayuan ke atas keputusan Mahkamah Tinggi ke Mahkamah Agung tanpa kebenaran mengikut *s. 68 Akta Mahkamah Kehakiman 1964*, kebenaran membuat rayuan mesti diperolehi terlebih dahulu daripada Mahkamah Tinggi ataupun Mahkamah Agung, apabila umpamanya nilai satu-satu tuntutan itu dari segi matawang kurang daripada RM100,000; penghakiman atau perintah Mahkamah dibuat secara persetujuan bersama; penghakiman atau perintah hanya mengenai soal kos; dan apabila mengikut satu-satu undang-undang yang dikuatkuasakan, penghakiman atau perintah Mahkamah Tinggi mengisytiharkan bahawa perintah tersebut adalah muktamad.

Jadi, berpandu kepada undang-undang yang tersebut di atas saya berpendapat rayuan yang dibawa oleh si bankrap terhadap petisyen kebankrapan ini nampaknya perlu mendapat kebenaran (leave) terlebih dahulu sebelum memfailkan surat rayuan ke Mahkamah Agung. Tambahan pula di dalam kes ini terdapat kegagalan si bankrap mengemukakan notis bantahan mengikut kaedah 117 Kaedah-Kaedah Kebankrapan 1969. Oleh kerana s. 68 tidak merangkumi perkara-perkara kebankrapan, ini tidak bermakna situasi yang terdapat di dalam kes ini tidak boleh ditaklukkan di bawah seksyen yang sama. Sayugia disebutkan di sini bahawa mengikut satu peraturan di England, hak membuat rayuan di dalam perkara-perkara kebankrapan adalah terhad dalam mana kebenaran mesti diperolehi terlebih dahulu dari mahkamah apabila perkara-perkara yang hendak dirayukan berbangkit dari perintah persetujuan, atau mengenai soal kos, atau apabila nilai tuntutan tidak lebih 50.00 pounds. Kebenaran (leave) mesti juga diperolehi jikalau rayuan dibuat terhadap kegagalan mahkamah menggunakan kuasa budibicaranya. (Sila lihat: Bankruptcy Rules 1952, r. 127)

Also found at [1990] 1 CLJ 733